



12 JUN, 2026

## 15 rumah rosak dibadai ribut

Harian Metro, Malaysia



LIM meninjau keadaan bumbung rumah penduduk yang rosak dalam kejadian ribut di Kampung Pulau Gadong, Melaka.

**Melaka:** Sekurang-kurangnya 15 rumah di Kampung Pulau Gadong di sini, rosak akibat ribut yang melanda kawasan itu kira-kira jam 4 pagi semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong berkata, kejadian berlaku dalam tempoh singkat namun menyebabkan kerosakan besar terhadap beberapa rumah yang hilang bumbung selepas diterbangkan angin.

Menurutnya, kedudukan rumah yang rapat antara satu sama lain menyebabkan kerosakan menjadi lebih serius apabila bum-

## 15 rumah rosak dibadai ribut

bung yang tercabut turut menghempap bumbung rumah lain.

“Kira-kira 15 rumah terjejas dan ada rumah yang rosak teruk selepas keseluruhan bumbung terangkut.

“Ada juga rumah yang lebih 10 keping atap zinknya tercabut. Difahamkan ke-

jadiannya berlaku dalam tempoh 20 hingga 30 saat, namun impaknya amat besar,” katanya yang bersyukur tiada penduduk cedera dalam kejadian itu.

Menurutnya, ribut turut menjejaskan infrastruktur bekalan elektrik apabila beberapa wayar dan tiang milik Tenaga Nasional Berhad

(TNB) rosak dihempap serpihan bumbung.

“Pihak TNB mengambil tindakan pantas dan kini sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan,” katanya yang memaklumkan kampung itu terdedah ribut disebabkan terletak berhampiran kawasan lapangan dan di pesisir pantai.

Lim berkata, bantuan baik pulih segera sedang diuruskan dan akan disalurkan segera kepada penduduk agar kerja pembaikan dapat dilaksanakan segera.

**“Difahamkan kejadian berlaku dalam tempoh 20 hingga 30 saat, namun impaknya amat besar”**

*Lim Ban Hong*